

~~Pekerja asing banjir Malaysia akibat kelonggaran peraturan~~

**1,600 masuk sehari**

Malaysia  
16 10 07

**KUALA LUMPUR** 15 Okt. - Malaysia akan terus dibanjiri kemasukan pekerja asing sehingga 1,600 orang sehari selagi peraturan Imigresen dan dasar pengambilan pekerja yang disifatkan sebagai amat longgar tidak diperketatkan.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Se-kerja Malaysia (MTUC), G. Rajasekaran ber-kata, rekod kemasukan pekerja asing yang amat tinggi itu adalah tidak munasabah.

"Fakta ini amat membimbangkan MTUC ke-rana ia boleh mengancam pasaran buruh kita.

"Kerajaan perlu berbuat sesuatu berhu-bung dasar ini. Jangan nanti pekerja tempa-tan menjadi peminta sedekah di tempat sendiri," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut beliau, pengeluaran permit peker-ja asing dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira keperluan sebenar pihak ma-jikan merupakan antara punca kebanjiran pekerja asing.

Dianggarkan terdapat 2.5 juta pekerja asing di Malaysia termasuk yang masuk seca-ra haram. Ia merupakan kira-kira 25 peratus daripada keseluruhan pekerja di negara ini sebanyak 11 juta orang.

Beliau berkata, MTUC pernah mendapat maklumat bahawa sebanyak 48,000 permit telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk meng-gaji pekerja asing bagi sektor tertentu dalam tempoh sebulan.

"Permit telah dikeluarkan dengan sesuka hati tanpa berasaskan kepada keperluan dan analisis mengenai implikasinya. Bayangkan dalam tempoh 30 hari sebanyak 48,000 permit dikeluarkan.

"Berapa banyakkah permit dikeluarkan da-lam tempoh setahun?"

"Sepatutnya kerajaan perlu lebih berha-ti-hati dengan melihat kepada keperluan sebenar penggunaan tenaga pekerja asing kerana kita tidak mahu berlaku penganiaya-an ke atas pekerja tempatan," katanya.

Rajasekaran berkata, kebanjiran pekerja

U. 11) M/S 6 16. 10. 07

asing di negara ini semakin serius apabila Jabatan Imigresen terpaksa menjadikan aras tiga ruang letak kereta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang sebagai tempat memproses kemasukan mereka.

Sebahagian besar daripada mereka tidak dituntut oleh ejen atau majikan menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung makan minum mereka dan kemudian menghantar mereka ke pusat tahanan Imigresen sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Kabinet pada 3 Oktober lalu memutuskan untuk membebaskan pengambilan pekerja asing dari Bangladesh berkuat kuasa serta-merta berikutan pelbagai masalah dan kerehah yang ditimbulkan oleh ejen-ejen yang terlibat dalam membawa masuk pekerja dari negara tersebut.

# 1,600 mas

Selain Bangladesh, Malaysia bergantung kepada 10 lagi negara sumber terutama Indonesia, Vietnam, Thailand, Myanmar, Nepal, Pakistan dan India.

Menurut Rajasekaran, peraturan berkaitan pekerja asing amat longgar. Katanya, majikan dan ejen boleh terlepas begitu sahaja walaupun mereka melakukan kesalahan.

Antara kelonggaran itu ialah pengeluaran permit sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kesannya kepada pasaran pekerjaan serta tiada tindakan tegas ke atas ejen yang membawa masuk pekerja yang tidak dituntut majikan.

# suk sehari

Peraturan longgar itu menyebabkan terdapat sekumpulan majikan lebih cenderung menggunakan khidmat pekerja asing berbanding pekerja tempatan.

Majikan seperti itu, katanya, sengaja mahu mengurangkan kos dengan cara menggaji pekerja asing.

Sekiranya majikan itu menggaji pekerja tempatan mereka mendakwa kos operasi akan lebih meningkat.

Antaranya mereka terpaksa membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

“Tenaga pekerja asing sudah tentu mudah untuk dipe-

rah dan dieksploitasi berbanding pekerja tempatan. Atas alasan ini majikan rela menggaji pekerja asing,” katanya.

Setiausaha Agung MTUC itu berkata, kilang atau syarikat yang sengaja tidak mahu menggaji pekerja tempatan perlu dikenakan tindakan paling berat mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

“Majikan-majikan seperti inilah yang menyebabkan kebanjiran pekerja asing di negara kita. Lama-kelamaan jumlah pekerja tempatan yang kehilangan pekerjaan akan terus meningkat.

“Kerajaan perlu memantau situasi ini kerana kecenderungan majikan mendapatkan pekerja asing akhirnya akan memberi kesan buruk kepada pasaran kerja di negara kita. Inilah isu serius yang perlu ditangani segera,” ujarnya.